

SOALAN NO: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM

TARIKH: 28 OKTOBER 2014

SOALAN:

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengenai nisbah pekerja yang ditimpa kemalangan di tempat kerja berasaskan kepada 1000 pekerja terutamanya di tapak pembinaan. Apakah langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diambil oleh DOSH bagi memantau dan menguatkuasakan AKKP 1994 di kalangan pekerja-pekerja di kilang elektronik. Sejak tahun 2010 berapakah bilangan mereka yang melakukan yang melakukan kesalahan di bawah AKKP 1994 dan diambil tindakan.

PR-1323-I65170

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) komited dalam memastikan tempat kerja di tapak bina adalah selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan dengan menguatkuasakan Akta Kilang dan

Jentera 1967 (Akta 139) dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

2. Di antara tindakan sedia ada JKKP bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di sektor pembinaan di tahap yang baik adalah seperti berikut:

- i. Menjalankan pemeriksaan berkala terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tapak bina. Sehingga bulan Ogos 2014, sebanyak 5,286 jumlah pemeriksaan di sektor pembinaan telah dijalankan oleh JKKP ;

Jadual 1: Bilangan Pemeriksaan di Sektor Pembinaan oleh JKKP

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014 (Jan-Ogos)
Jumlah Pemeriksaan	4,024	3,388	6,554	7,329	5,286

(Sumber: JKKP, KSM)

- ii. Mengambil tindakan punitif dan undang-undang bagi majikan yang gagal mematuhi peruntukan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan KKP. Sehingga Ogos 2014 sebanyak 2,633 jumlah tindakan perundangan telah diambil oleh JKKP ke atas sektor pembinaan ;

Jadual 2: Bilangan tindakan punitif dan kes pendakwaan ke atas Sektor Pembinaan oleh JKKP

Tahun	Notis	Kompaun	Bilangan Kes Pendakwaan	Jumlah
2010	315	22	18	355
2011	591	57	56	704
2012	970	67	36	1,073
2013	949	61	55	1,065
2014 (sehingga Ogos)	2,528	70	35	2,633

(Sumber: JKKP, KSM)

- iii. Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan galakan secara berterusan seperti kempen keselamatan dan kesihatan, Minggu Keselamatan dan Kesihatan peringkat nasional, Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia, dialog, media massa dan elektronik;
- iv. Memberi pengiktirafan ke atas syarikat-syarikat yang mempunyai Sistem Pengurusan KKP yang terbaik seperti Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Kebangsaan yang dibuat setiap tahun di bawah Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- v. Menyediakan program-program latihan yang berkaitan dengan aktiviti pembinaan di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

Jadual 3: Program latihan di bawah kategori aktiviti pembinaan bagi tahun 2009 hingga 2014 yang dijalankan oleh NIOSH

Bil.	Program	Bil. Program	Bil. Peserta
1	<i>Safety Induction for Construction Workers</i>	32	438
2	<i>Planning and Managing Occupational Safety and Health for Construction Activities</i>	19	118
3	<i>Working Safely at Height</i>	140	2,158
4	<i>Basic Rigging and Slinging</i>	81	1,294

(Sumber: NIOSH, KSM)

- vi. Menjalankan kajian (dalam pelaksanaan) mengenai pelan penambahbaikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di sektor pembinaan di mana kajian kes dijalankan di projek MRT. Melalui kajian ini, langkah-langkah penambahbaikan bagi menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di projek MRT akan dapat dikenalpasti dan dilaksanakan oleh Jabatan.

- 3. Tindakan tambahan oleh JKKP bagi menangani cabaran dan isu mengenai sektor pembinaan di Projek MRT dan LRT adalah seperti berikut:
 - i. JKKP telah menukuhkan *Safety Patrol Unit* di JK KP Selangor dan JK KP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- bagi melakukan rondaan dan pemeriksaan di sepanjang kawasan projek MRT dan juga LRT;
- ii. JKKP meningkatkan kekerapan pemeriksaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tapak bina melalui pemeriksaan yang teliti, pemantauan berterusan serta pemasangan papan tanda amaran di kawasan - kawasan pembinaan; dan
 - iii. JKKP menjalankan operasi pemeriksaan mengejut di tapak pembinaan dari semasa ke semasa.
4. JKKP juga telah mengarahkan MRT dan LRT untuk melaksanakan perkara-perkara berikut di mana ia akan dipantau oleh JKKP:-
- i) Menyemak dan menilai semula kapasiti personnel keselamatan sediaada. Memastikan semua personnel keselamatan seperti *Safety & Health Officer* (SHO), *Site Safety Supervisor* (SSS), Pengendali Perancah dan Operator Kren di tapak pembinaan adalah mencukupi selaras dengan keperluan perundangan;
 - ii) Mengadakan penguatkuasaan dalam dimana *site safety supervisor* (SSS) hendaklah ditempatkan sepenuh masa bagi memantau aspek-aspek keselamatan di tapak projek dan pihak kontraktor utama hendaklah menyediakan satu perancangan yang komprehensif berkaitan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap sub-kontraktor dan pihak lain di bawah pengawasan;

- iii) Mengenalpasti semua aktiviti/proses yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi dan mengemukakan senarai tersebut kepada pejabat JKKP negeri. Memaklumkan ke pejabat JKKP negeri 1 minggu sebelum aktiviti berisiko tinggi tersebut dijalankan. Operasi aktiviti yang berisiko tinggi hanya dibenarkan dilakukan pada waktu bukan puncak (*off peak time*).
- iv) Menyemak semula keberkesanan Pelan Pengurusan Trafik sedia ada. Penutupan jalan separa dan sepenuhnya mengikut tahap risiko dan kadar aliran trafik semasa;
- v) Mengadakan operasi pemeriksaan mengejut secara ‘cross inspection’ dari masa kesemasa oleh Pemilik, kontraktor utama dan Jururunding.
- vi) MRT dan LRT menujuhkan *Safety Patrol Unit* di kalangan kontraktor utama, subkontraktor dan jururunding bagi memantau dan memeriksa tahap keselamatan di tapak bina secara berterusan;
- vii) Mesyuarat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat pengurusan utama hendaklah diwujudkan bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan KKP secara komprehensif.

5. Tindakan JKKP terhadap kemalangan maut projek pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) di Projek Pembinaan KVMRT – Package V1, Ladang Rubber Research Institute, Sungai Buloh, Selangor pada 18 Ogos 2014 adalah:

- i. Mengeluarkan notis larangan untuk semua kerja-kerja pembinaan untuk Package 1, KVMRT;
 - ii. Sehingga hari ini, 90% siasatan telah dijalankan;
 - iii. Sekiranya berlaku perlanggaran perundangan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau Akta Kilang dan Jentera 1967, maka tindakan mahkamah akan diambil ke atas kontraktor utama dan sub-kontraktor.
6. Antara punca-punca yang dikenalpasti menyumbang kepada kemalangan di sektor pembinaan seluruh Malaysia ialah :
 - i) Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan yang tidak berkesan;
 - ii) Tiada penilaian terhadap hazard dan risiko secara menyeluruh;
 - iii) Latihan yang tidak mencukupi kepada pekerja terutamanya pekerja asing;
 - iv) Kurang pemantauan terhadap pelaksanaan Prosedur Kerja Selamat (*Safe Operating Procedure*) oleh kontraktor; dan
 - v) Kurang kawalan dan pemantauan ke atas sub-kontraktor bagi aktiviti yang mempunyai hazard dan risiko yang tinggi.
7. Kemalangan yang berlaku di projek pembinaan MRT pakej V1 Sungai Buloh, Selangor pada 18 Ogos 2014 yang lepas masih di dalam siasatan pihak JKKP. Sekiranya terdapat perlanggaran perundangan oleh pihak majikan, tindakan mahkamah akan diambil ke atas kontraktor utama dan sub-kontraktor melalui peruntukan Seksyen 15, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 di

mana boleh denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.